



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGARUH PENDIDIKAN KEUSAHAWANAN DAN KEUPAYAAN KEUSAHAWANAN TERHADAP HASRAT KEUSAHAWANAN PELAJAR KOLEJ POLY TECH MARA BANGI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

NURATHIRAH BINTI ABDUL GHAFAR

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENGARUH PENDIDIKAN KEUSAHAWANAN DAN KEUPAYAAN
KEUSAHAWANAN TERHADAP HASRAT KEUSAHAWANAN
PELAJAR KOLEJ POLY TECH MARA BANGI**

NURATHIRAH BINTI ABDUL GHAFAR



05-4506832



**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PERNIAGAAN)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**



ptbupsi

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (\)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

/

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH


PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada¹³.....(hari bulan)¹²..... (bulan) 20²²....

i. Perakuan pelajar :

Saya, NURATHIRAH BINTI ABDUL GHAFAR M20181000996 FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PENGARUH PENDIDIKAN KEUSAHAWANAN DAN KEUPAYAAN KEUSAHAWANAN TERHADAP HASRAT KEUSAHAWANAN PELAJAR KOLEJ POLY TECH MARA BANGI

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya


Tandatangan pelajar


ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. NURUL FADLY BIN HABIDIN (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENGARUH PENDIDIKAN KEUSAHAWANAN DAN KEUPAYAAN KEUSAHAWANAN TERHADAP HASRAT KEUSAHAWANAN PELAJAR KOLEJ POLY TECH MARA BANGI

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN PENGURUSAN PERNIAGAAN (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

13 DISEMBER 2022

Tarikh


Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PENGARUH PENDIDIKAN KEUSAHAWANAN DAN KEUPAYAAN KEUSAHAWANAN
TERHADAP HASRAT KEUSAHAWANAN PELAJAR KOLEJ POLY TECH MARA BANGI

No. Matrik / Matric's No.: M20181000996

Saya / I : NURATHIRAH BINTI ABDUL GHAFAR
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau
kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia
Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official
Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh
organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains
restricted information as specified by the organization where research
was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

*Nurul Fadly Habidin
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
fadly@fpe.upsi.edu.my
013-5375597*

(Tandatangan Penyelia/ Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmil / Name & Official Stamp)

Tarikh: 13 DISEMBER 2022

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period
and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, dengan izinNya saya berjaya menyiapkan disertasi ini. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Pihak Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, UPSI Tanjong Malim kerana memberi sokongan dan kelulusan kepada saya dalam menyediakan disertasi ini.

Dalam usaha menjayakan disertasi ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr Nurul Fadly bin Habidin selaku Penyelia saya. Beliau telah meluangkan banyak masa dan tenaga dalam memberi tunjuk ajar dan membimbang saya untuk menyempurnakan disertasi ini. Seterusnya, saya juga berterima kasih kepada semua pensyarah yang telah memberi nasihat dan galakan kepada saya sepanjang penghasilan disertasi ini.

Khas untuk ibu bapa saya yang tercinta, iaitu Encik Abdul Ghafar dan Puan Noresah jutaan terima kasih dirakamkan kerana memberi sokongan moral dan kewangan kepada saya sepanjang masa. Tidak ketinggalan adik-beradik saya yang tidak jemu memberi kata-kata nasihat.

Penghargaan kepada rakan saya iaitu Farah Amira binti Ridzuwan dan semua rakan lain atas kesudian membantu dan memberi segala nasihat, perkongsian pendapat dan semangat yang tidak pernah putus kepada diri saya. Tidak lupa juga, terima kasih kepada semua pihak-pihak terlibat dan responden saya kerana sudi meluangkan masa menjawab pertanyaan dan soal selidik kajian saya.





ABSTRAK

Keusahawanan telah dikenal pasti sebagai penyumbang utama pekerjaan, inovasi dan pertumbuhan dan pembangunan ekonomi yang mamparn. Kajian ini adalah untuk mengenalpasti elemen-elemen pendidikan keusahawanan dan keupayaan keusahawanan yang mempengaruhi hasrat keusahawanan pelajar Kolej Poly Tech MARA Bangi. Kerangka kajian ini telah dibina berpandukan dasar Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi 2016-2020 sebagai pembolehubah bebas, iaitu kurikulum keusahawanan, kaedah pengajaran, peranan institusi pendidikan dalam mempromosikan pendidikan keusahawanan dan keupayaan keusahawanan untuk menguji hasrat keusahawanan pelajar. Model Pengajaran Pendidikan Keusahawanan dan Teori Perlakuan Terancang sebagai dasar kepada kajian ini. Soal selidik telah diedarkan kepada 40 pelajar sebagai responden bagi kajian rintis dan 305 orang responden bagi kajian sebenar menggunakan kaedah persampelan bertujuan dan persampelan mudah. Data dianalisis menggunakan analisis deskriptif bagi menentukan tahap kecenderungan hasrat keusahawanan pelajar manakala analisis inferensi korelasi dan regresi berganda digunakan bagi menjelaskan kekuatan hubungan dan pengaruh elemen-elemen terlibat terhadap hasrat keusahawanan pelajar. Dapatkan kajian menunjukkan hasrat keusahawanan pelajar pada tahap sederhana tinggi dengan nilai skor min 3.7865. Sementara itu, penemuan melalui analisis regresi berganda menunjukkan keupayaan keusahawanan, peranan institusi pendidikan dan kurikulum dalam pendidikan keusahawanan mempunyai pengaruh positif dan signifikan dengan nilai pekali berganda (β) masing-masing adalah 0.299, 0.293 dan 0.259. Manakala kaedah pengajaran pendidikan keusahawanan mencatatkan pengaruh negatif dan tidak signifikan ($\beta = 0.092$, $p = 0.203$). Implikasi dan cadangan adalah pihak kolej bertanggungjawab dalam merangka serta melaksanakan strategi bertujuan mendedahkan pelajar terhadap amalan keusahawanan bagi menanam pemikiran dan kemahiran keusahawanan dalam diri pelajar. Pihak Kementerian Pengajian Tinggi perlu menyusun strategi bagi memastikan graduan sentiasa bersedia menjadikan usahawan sebagai kerjaya dengan pengalaman dan kecekapan yang diperoleh melalui program-program usahasama institusi pendidikan dengan agensi-agensi lain.





THE INFLUENCE OF ENTREPRENEURSHIP EDUCATION AND ENTREPRENEURIAL CAPABILITY ON THE ENTREPRENEURIAL INTENTIONS OF KOLEJ POLY TECH MARA BANGI STUDENTS

ABSTRACT

Entrepreneurship has been identified as the main contributor to employment, innovation and sustainable economic growth and development. This study aims to identify the elements of entrepreneurship education and entrepreneurship capabilities that influence entrepreneurship intention for students in Kolej Poly-Tech MARA Bangi. This study's framework was developed based on the aspirations of the Higher Education Institution Entrepreneurship Action Plan 2016-2020, specifically the entrepreneurship curriculum, teaching methods, the role of educational institutions in promoting entrepreneurship education, and entrepreneurship capability as the independent variables. Furthermore, the Teaching Entrepreneurship Education Model and Theory of Planned Behaviour serve as the underlying theories of this study. In the pilot study, the questionnaires were distributed to 40 students, while the actual study involved 305 respondents who were sampled using the purposeful and simple sampling method. The data were analysed using descriptive analysis to determine students' inclination and desire to venture into entrepreneurship, while inferential analyses, specifically correlation and multiple regression, were conducted to explain the relationship between the variables and their influence on the students' desire for entrepreneurship. The findings showed that students' entrepreneurship intentions is moderately high, with a mean score of 3.7865. Meanwhile, the multiple regression analysis showed that entrepreneurship capability, the role of educational institutions and the entrepreneurship education curriculum have a positive and significant influence with the coefficient (β) values of 0.299, 0.293 and 0.259, respectively. On the other hand, teaching methods in entrepreneurship education have a negative and insignificant influence ($\beta = 0.092$, $p = 0.203$). This study implies that the college plays a significant role in formulating and implementing strategies to expose students to entrepreneurship practices to inculcate Entrepreneurship thinking and skills among them. Thus, the Ministry of Higher Education needs to strategies to equip students with experience and competencies through joint-venture programmes involving educational institutions and other agencies to produce graduates ready to venture into entrepreneurship.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	i
------------------	---

PENGHARGAAN	ii
--------------------	----

ABSTRAK	iii
----------------	-----

ABSTRACT	iv
-----------------	----

KANDUNGAN	v
------------------	---

SENARAI JADUAL	xii
-----------------------	-----

SENARAI RAJAH	xv
----------------------	----

SENARAI SINGKATAN	xvi
--------------------------	-----

BAB 1 PENGENALAN	
-------------------------	--

1.1 Pendahuluan	1
-----------------	---

1.2 Latar Belakang Kajian	3
---------------------------	---

1.3 Penyataan Masalah	11
-----------------------	----

1.4 Tujuan dan Objektif Kajian	14
--------------------------------	----





1.5 Persoalan Kajian	15
1.6 Hipotesis Kajian	15
1.7 Kerangka Teori dan Kerangka Konsep Kajian	16
1.8 Definisi Operational	21
1.8.1 Pendidikan Keusahawanan	21
1.8.2 Kurikulum Pendidikan Keusahawanan	21
1.8.3 Kaedah Pengajaran Dalam Pendidikan Keusahawanan	22
1.8.4 Peranan Institusi Pendidikan Dalam Mempromosikan Pendidikan Keusahawanan	23
1.8.5 Keupayaan Keusahawanan	23
1.8.6 Hasrat Keusahawanan	24



1.9 Kepentingan Kajian	25
1.10 Batasan Kajian	26
1.11 Rumusan	27

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	29
2.2 Usahawan dan Keusahawanan	30
2.3 Perkembangan Keusahawanan di Malaysia	33
2.4 Model Pengajaran Pendidikan Keusahawanan	42
2.5 Teori Perlakuan Terancang	50





2.6 Pendidikan Keusahawanan	54
2.7 Hasrat Keusahawanan	58
2.8 Kurikulum Pendidikan Keusahawanan	62
2.9 Kaedah Pengajaran Dalam Pendidikan Keusahawanan	65
2.10 Peranan Institusi Pendidikan Dalam Mempromosikan Pendidikan Keusahawanan	71
2.11 Keupayaan Keusahawanan	74
2.12 Rumusan	77

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan	78
3.2 Reka Bentuk Kajian	79
3.3 Populasi Kajian	81
3.4 Sampel dan Unit Analisis Kajian	81
3.5 Lokasi Kajian	83
3.6 Instrumen Kajian	84
3.7 Prosedur Kajian	88
3.8 Teknik Pengumpulan Data	90
3.9 Kaedah Analisis Data	
3.9.1 Analisis Deskriptif	92
3.9.2 Analisis Inferensi	93





3.10 Kajian Rintis	94
3.10.1 Kebolehpercayaan Instrumen	96
3.10.2 Kesahan Instrumen	98
3.10.3 Analisis Faktor	101
3.11 Rumusan	103
BAB 4 DAPATAN KAJIAN	
4.1 Pengenalan	104
4.2 Analisis Kenormalan	105
4.2.1 Pembolehubah bebas Kurikulum Pendidikan Keusahawanan	105
4.2.2 Pembolehubah bebas Keupayaan Keusahawanan	107
4.2.3 Pembolehubah bersandar Hasrat keusahawanan	108
4.3 Analisis Deskriptif	109
4.3.1 Demografi Responden	
4.3.1.1 Analisis Berdasarkan Jantina dan Lingkungan Umur	110
4.3.1.2 Analisis Berdasarkan Pengajian dan Tempat Asal	111
4.3.1.3 Analisis Berdasarkan Pemilihan Program Pengajian dan Sejarah Keusahawanan Keluarga	112
4.3.1.4 Analisis Berdasarkan Minat Dalam Keusahawanan Meningkat	113
4.3.1.5 Analisis berdasarkan motivasi menjadi seorang usahawan	114
4.3.1.6 Analisis berdasarkan program keusahawanan meningkatkan kemahiran	115





keusahawanan responden	116
4.3.2 Analisis skor min	
4.4 Analisis Inferensi	117
4.4.1 Hubungan dan Pengaruh antara pembolehubah bebas Pendidikan Keusahawanan, Keupayaan Keusahawanan dan Hasrat Keusahawanan	118
4.5 Rumusan	127
BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	
5. 1 Pengenalan	128
5.2 Ringkasan Kajian	129
5.3 Perbincangan dapatan kajian	130
5.3.1 Tahap kecenderungan hasrat keusahawanan	131
5.3.1.1 Kurikulum Pendidikan Keusahawanan	132
5.3.1.2 Kaedah Pengajaran Dalam Pendidikan Keusahawanan	133
5.3.1.3 Peranan Institusi Pendidikan Dalam Mempromosikan Pendidikan Keusahawanan	134
5.3.1.4 Keupayaan Keusahawanan	136
5.4 Hubungan antara elemen yang mempengaruhi hasrat keusahawanan dan perancangan masa depan	137
5.5 Perbincangan berdasarkan persoalan kajian	
5.5.1 Persoalan Kajian	139
5.5.1.1 Kurikulum Pendidikan Keusahawanan	140
5.5.1.2 Kaedah Pengajaran Dalam Pendidikan Keusahawanan	141





5.5.1.3 Peranan Institusi Pendidikan Dalam Mempromosikan Pendidikan Keusahawanan	143
5.5.1.4 Keupayaan Keusahawanan	144
5.6 Implikasi	147
5.7 Cadangan Kajian Lanjutan	150
5.8 Rumusan	152
RUJUKAN	155





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Statistik Tenaga Buruh Bekerja dan Menganggur di Malaysia	4
2.1 Fasa Perkembangan Keusahawanan Malaysia	33
2.2 Kajian Berkaitan Kurikulum Pendidikan Keusahawanan	64
2.3 Kajian Berkaitan Kaedah Pengajaran Pendidikan Keusahawanan	70
2.4 Kajian Berkaitan Peranan Institusi Pendidikan dalam mempromosikan Pendidikan Keusahawanan	73
2.5 Kajian Berkaitan Keupayaan Keusahawanan	76
3.1 Sumber Asal bagi Setiap Konstruk	85
3.2 Pecahan Item setiap Konstruk	86
3.3 Item-item Soal Selidik Mengikut Konstruk	86
3.4 Tahap dan Julat Bacaan Skor Min	92
3.5 Nilai dan Tahap Interpretasi Hubungan Korelasi	94
3.6 Nilai Pekali Cronbach's Alpha Kajian Rintis	96
3.7 Nilai Pekali Cronbach's Alpha Kajian Sebenar	97





3.8	Rumusan Ulasan Pakar Instrumen Kajian	100
3.9	Ujian Analisis Faktor	102
4.1	Nilai Kenormalan Pembelahan Bebas Pendidikan Keusahawanan	105
4.2	Nilai Kenormalan Pembelahan Bebas Keupayaan Keusahawanan	106
4.3	Nilai Kenormalan Pembelahan Bersandar Hasrat Keusahawanan	107
4.4	Taburan Responden Berdasarkan Jantina dan Lingkungan Umur	110
4.5	Taburan Responden Berdasarkan Semester Pengajian dan Tempat Asal	111
4.6	Taburan Responden Berdasarkan Pemilihan Pengajian dan Sejarah Keusahawanan Keluarga	112
4.7	Taburan Responden Berdasarkan Minat dalam Keusahawanan Meningkat	113
4.8	Taburan Responden Berdasarkan Responden Bermotivasi Menjadi Usahawan	114
4.9	Taburan Responden Berdasarkan Program Keusahawanan meningkatkan kemahiran keusahawanan	115
4.10	Skor Min Elemen Pendidikan Keusahawanan dan Keupayaan Keusahawanan	116
4.11	Nilai Korelasi dan Tahap Hubungan	118
4.12	Nilai r dan r_2 bagi Pekali Korelasi	120
4.13	Keputusan Ujian Varian ANOVA	121
4.14	Analisis Regresi Pembelahan Bebas dan Pembelahan Bersandar	122
4.15	Ringkasan Statistik Koloneariti	123
4.16	Status Ujian Hipotesis H_0 sehingga H_4	125





5.1	Skor min Elemen Pendidikan Keusahawanan dan Keupayaan Keusahawanan	131
5.2	Nilai Pekali Korelasi dan Regresi Berganda Mengikut Kedudukan	138





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Model Pengajaran Pendidikan Keusahawanan	17
1.2 Teori Perlakuan Terancang	18
1.3 Kerangka konsep yang digunakan dalam kajian ini	20
2.1 Model Pengajaran Pendidikan Keusahawanan	44
2.2 Teori Perlakuan Terancang	50
4.1 Normal probability plot of regression standardized residual	124





SENARAI SINGKATAN

AIM	Amanah Ikhtiar Malaysia
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DKN	Dasar Keusahawanan Nasional
HIEP	Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi
IKS	Industri Kecil dan Sederhana
IPT	Institusi Pendidikan Tinggi
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi
KPTM	Kolej Poly Tech MARA
MED	Kementerian Pembangunan Usahawan
MUN	Minggu Usahawan Nasional
PKS	Perusahaan Kecil Sederhana
PTKIPT	Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi





QAA	Quality Assurance Agency
RMK	Rancangan Malaysia Kesebelas
SME CORP	Small Median Enterprise Corp
SPSS	<i>Statistical Package for Social Science</i>
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
TPT	Teori Perlakuan Terancang
TEKUN	Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga





BAB 1

PENGENALAN



Selama berabad-abad, keusahawanan telah dikenal pasti sebagai penyumbang utama pekerjaan, inovasi dan pertumbuhan dan pembangunan ekonomi yang mampan (Meyer & De Jongh, 2018). Keusahawanan adalah salah satu aktiviti perniagaan atau bidang kerjaya yang mempunyai peluang dalam mendapatkan pendapatan yang lumayan (Dutta & Meierrieks, 2021). Menurut Noor Azman (2017), aktiviti perniagaan adalah salah satu bidang yang perlu diberi perhatian dalam mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sesebuah negara. Melalui persepsi Islam, bidang perniagaan ini adalah sesuatu kerjaya yang mulia sekiranya setiap perkara dan elemen pengurusan dalam aktiviti perniagaan yang dijalankan adalah berpandukan hukum dan syariat yang telah ditetapkan oleh Al-Quran (Ferdinand, 2021).



“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu berbunuuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihani kamu.” (Surah An-Nisaa’ Ayat 29)

Aktiviti perniagaan yang dilihat oleh Islam adalah sebagai penjana kepada aktiviti ekonomi lain yang memberi kebaikan kepada orang lain seperti mewujudkan peluang pekerjaan, meningkatkan taraf kualiti hidup dan memenuhi keperluan hidup yang mana ia adalah salah satu tuntutan fardu kifayah yang menyumbang kepada kesejahteraan ummah (Noraihan, Mohd Sobhi & Sabrina, 2019; Noor Aznaim et al, 2021). Oleh itu, bidang keusahawanan adalah bidang yang banyak membantu dalam menambah dan meningkatkan pendapatan individu sekaligus membantu mengembangkan ekonomi negara dengan lebih baik (Lee & Rodriguez-Pose, 2020). Aktiviti perniagaan adalah sesuatu yang perlu dititikberatkan dalam sesebuah masyarakat ini kerana ia memberi banyak impak dalam kehidupan harian manusia (Du & O’Connor, 2018).

Menurut Dr Mohd Hatta Timbalan Menteri Keusahawanan dalam temu ramah melalui Berita Harian (April 2019) , Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) perlu memperkasakan usahawan menerusi kerjasama dengan kementerian lain dalam menyediakan latihan dan pengetahuan bagi mempromosikan keusahawanan dan membolehkan pelajar sekolah serta universiti juga turut terlibat dalam perniagaan (Berita Harian, 2019). Oleh disebabkan itu, amat sesualilah jika pendidikan berkenaan keusahawanan diberi penekanan lebih dalam peringkat pendidikan tinggi supaya



graduan dalam bidang ini mampu meneruskan langkah dalam memartabatkan ekonomi negara. Pendidikan keusahawanan adalah berkaitan dengan pembelajaran untuk keusahawanan, pembelajaran melalui keusahawanan, dan pembelajaran tentang keusahawanan (Deveci & Seikkula-Leino, 2018).

Menyentuh tentang Pengajian Perniagaan di Malaysia, ia telah lama diwujudkan sejak 1999 bermula dari peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) yang bertujuan untuk menghasilkan pelajar yang berkaliber, berkemahiran dan berpengetahuan dalam menjadi seorang usahawan. Pelajar dalam pengajian perniagaan akan mendapat pengetahuan umum ekonomi, undang-undang, perakaunan, kewangan dan pemasaran yang berkaitan dengan dunia perniagaan. Selain itu, pelajar juga akan menjalani pengajian lanjutan dalam pelbagai aspek pengurusan perniagaan daripada pembentukan perniagaan sehingga berlakunya kejayaan atau kegagalan dalam perniagaan. Oleh itu, melalui pendidikan keusahawanan dilihat mampu memperkasakan amalan keusahawanan yang telah sekian lama wujud di serata dunia bagi mengatasi isu-isu dan masalah-masalah terhadap pengangguran.

1.2 Latar Belakang Kajian

Perkembangan dalam aktiviti perniagaan telah dapat dilihat dalam masyarakat sejak dari dahulu lagi antaranya dalam aktiviti perniagaan yang berbentuk sistem barter kepada perniagaan antarabangsa import dan eksport (Muhsin Rashid dan Fazlee, 2010). Menurut United Nations (2020), aktiviti perniagaan mampu menghasilkan



faedah dalam bentuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan yang baharu dan pendapatan sendiri kepada golongan graduan di seluruh dunia. Kenyataan itu turut disokong oleh Zulnaidi dan Mohd Kamil (2018) yang mengatakan perniagaan telah dibuktikan berperanan sebagai salah satu aktiviti yang meningkatkan pertumbuhan ekonomi kerana ia mewujudkan pertambahan dalam peluang pekerjaan sekaligus mengurangkan kadar pengangguran, peningkatan eksport, pertambahan daya saing dan menstabilkan asas ekonomi sesebuah negara.

Jadual 1.1

Statistik Tenaga Buruh Bekerja dan Menganggur Malaysia

	2018	2019	2020
Tenaga buruh	15,280,300	15,674,300	16,020,000
Bekerja	14,776,000	15,162,100	15,240,000
Menganggur	504,300	512,100	782,500
Kadar pengangguran	3.3%	3.3%	4.9%

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia 2020

Mengikut statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (2020), melaporkan pada tahun 2019 negara telah merekodkan seramai 512,100 penganggur dengan peningkatan sebanyak 7,800 orang berbanding pada tahun 2018 iaitu seramai 504,300 penganggur yang mana kedua-dua tahun merekodkan kadar pengangguran yang sama iaitu 3.3 peratus. Lebih membimbangkan apabila peningkatan dilihat terhadap kadar pengangguran menjelang suku akhir 2020 iaitu dengan peningkatan sehingga 4.9%.



Ini adalah sangat membimbangkan kerana Malaysia merekodkan pertambahan yang ketara terhadap kadar pengangguran dengan jumlah penganggur adalah meningkat hampir kepada 270,400 orang yang mana jurang pertambahan yang agak sangat besar.

Menurut Herdjono, Puspa dan Maulany (2017), antara salah satu faktor pengangguran berlaku adalah kerana kurangnya peluang pekerjaan yang mana banyak graduan kolej atau universiti menjadi penganggur kerana tujuan mereka mahu menjadi pekerja kerajaan yang mana lebih memberi jaminan pendapatan atau dengan erti kata lain mereka lebih bersedia menjadi pencari kerja bukan pencipta pekerjaan. Oleh kerana itu, perniagaan merupakan salah sektor yang penting dalam membawa Malaysia ke arah negara maju dan pelbagai pihak berusaha dalam mempromosikan keusahawanan kepada pelbagai peringkat masyarakat sama ada peringkat dewasa mahupun peringkat sekolah sebagai satu penyelesaian kepada isu tersebut (Muhammad Zulhafizi, Zurinah, Jalaluddin & Ali, 2020; Zaimah & Sazuani, 2017).

Kolej Poly-Tech MARA Bangi (KPTM Bangi) merupakan salah sebuah institusi pengajian swasta menawarkan pelbagai peluang pendidikan dalam bidang-bidang seperti Pengurusan, Perakaunan, Pengurusan Perniagaan, dan Kewangan. KPTM Bangi merupakan satu-satunya cawangan KPTM yang menghimpunkan kursus pengajian yang merangkumi elemen keusahawanan dalam pembelajarannya sama ada secara langsung dan tidak langsung. Kursus-kursus yang disediakan oleh KPTM Bangi berperanan menghasilkan pelajar yang berkualiter, berkemahiran dan berpengetahuan dalam bidang keusahawanan. Pelajar akan mendapat pengetahuan umum ekonomi, undang-undang, perakaunan, kewangan dan pemasaran yang





berkaitan dengan dunia perniagaan. Justeru itu, amatlah penting untuk menarik minat pelajar dalam menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya mereka di masa hadapan. Menurut Otache (2019), kecenderungan pelajar ke arah menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya mampu dilihat melalui hasrat keusahawanan yang boleh dipengaruhi melalui pendidikan keusahawanan yang diperoleh dari institusi pendidikan keusahawanan.

Seterusnya, Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi (PTKIPT) 2016-2020 menjelaskan bahawa pendidikan dan keusahawanan adalah merupakan dua aspek yang penting dan berkait rapat dalam usaha untuk meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi dan eksklusif. Ia bersesuaian dengan dapatan kajian Nor Hayati et al (2022) yang menunjukkan pembangunan kesejahteraan hidup sesebuah komuniti akan terus berkembang melalui pembangunan pendidikan yang diikuti dengan aktiviti keusahawanan dalam meningkatkan ekonomi penduduk setempat. Merujuk kepada PTKIPT 2016-2020 lagi, isu pengangguran terhadap golongan graduan muda dilihat dapat diselesaikan melalui usaha memperkuatkannya keusahawanan ke arah pemikiran keusahawanan ataupun kecenderungan untuk menjadi seorang usahawan melalui pendidikan yang mana ia mampu meningkatkan employabiliti graduan.

Menurut Hwang et al (2021), pendidikan keusahawanan bertujuan untuk menyampaikan pengetahuan, kemahiran, dan pengalaman keusahawanan kepada pelajar melalui kursus keusahawanan, pertandingan keusahawanan, dan latihan lain, untuk memupuk pemikiran inovatif dan keupayaan keusahawanan. Rentetan itu, pelan





pendidikan keusahawanan telah dibangunkan dengan lebih terperinci melalui PTKIPT 2016-2020 yang menegaskan dalam proses melahirkan pelajar yang mempunyai minda lebih inovatif, kreatif dan berdaya maju yang mampu menjana inovasi, mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi yang lebih mantap di masa hadapan pelajar perlulah diberi penerapan dan pendedahan yang jelas dan nyata terhadap budaya dan nilai-nilai keusahawanan dalam kurikulum pendidikan yang mereka pelajari. Beberapa teras dasar pembangunan keusahawanan telah dirancang untuk memastikan objektif dalam melahirkan pelajar pendidikan keusahawanan yang akan menjadi usahawan yang berjaya iaitu antaranya dengan menyediakan dan memantapkan kurikulum dan program pendidikan keusahawanan yang terancang dan holistik, mengukuhkan kompetensi dan kemahiran tenaga pengajar dengan kaedah pengajaran yang terancang dan lebih sistematik dan menyediakan akademi dan memantapkan pusat keusahawanan di setiap IPT yang berada di persekitarannya lebih kondusif (PTKIPT, 2016-2020)

Oleh itu, berdasarkan teras dasar utama yang dilakukan adalah melaksanakan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEP) dengan menerapkan elemen keusahawanan merentasi kurikulum dan bidang pengajian. Dasar ini mensasarkan 100% pelajar IPT dengan memperkenalkan program akademik keusahawanan pra dan pasca siswazah yang melibatkan 50% pembelajaran dijalankan di kampus manakala lagi 50% di luar kampus seperti pembelajaran di industri dan Perusahaan Kecil dan Sederhana. Ia bertujuan membantu pelajar menyesuaikan diri dengan keadaan atau situasi sebenar sebuah perniagaan yang dijalankan supaya pelajar mampu bersedia menjalankan sebuah perniagaan dengan lebih terurus. Menurut Matthew, Uladzimir,



Kjersti dan Martin (2021), bahawa mereka berfikir dan bertindak secara berbeza disebabkan perkara yang telah mereka pelajari dalam kursus dan juga melihat potensi untuk menggunakan apa yang telah mereka pelajari dalam kehidupan sebenar dan kerjaya masa depan mereka.

Menurut PTKIPT 2016-2020, keberkesanan dalam sebuah pendidikan adalah bergantung kepada kompetensi tenaga pengajar dan pembimbing yang mana penyampaian dan perlaksanaan yang diberikan dapat memberikan kesan yang positif dalam proses pembelajaran pelajar. Tenaga pengajar haruslah memperbaharui kaedah pengajaran dan pembelajaran seiring dengan keperluan pendidikan pelajar. Merujuk kepada PTKIPT 2016-2020 yang mensasarkan hampir 1500 tenaga pengajar dalaman dan tenaga pengajar luar yang mempunyai kepakaran keusahawanan akan diperlukan dalam membantu dalam menjadi penasihat dan mentor kepada perniagaan dan projek keusahawanan yang dijalankan oleh pelajar. Tambahan lagi, Deveci dan Seikkula-Leino (2018) menyatakan pembelajaran berasaskan peristiwa dan pengalaman adalah lebih berkesan dalam membangunkan ciri dan sikap keusahawanan berbanding kaedah tradisional seperti kuliah dan teori tradisional. Selain itu, menurut Akiba dan LeTendre (2018) terdapat pendapat yang timbul di kalangan penyelidik bahawa kaedah pengajaran bukan hanya mengenai persediaan, kelayakan dan pengetahuan guru, tetapi juga berkaitan dengan iklim dan budaya institusi, sistem sokongan untuk rutin pembelajaran berkesan, kepercayaan pendidik tentang kesan diri mereka sendiri kepada pelajar, dan pembangunan profesional yang berterusan mengikut peredaran jangkaan dan keperluan yang sentiasa berubah.



Seterusnya, institusi pendidikan mempunyai peranan dalam mempromosikan pendidikan keusahawanan bagi membantu menarik pelajar cenderung ke arah keusahawanan. Menurut Melhem dan Al-Shaikh (2018), dalam penyelidikan mereka mendapati bahawa institusi pendidikan adalah salah satu pihak yang paling penting dalam pembentukan kesedaran dan sokongan kepada usahawan muda. Justifikasinya dapat dilihat berdasarkan PTKIPT 2016-2020 yang mana membentangkan beberapa teras dasar yang dirancang dalam menambah baik ekosistem yang akan menyokong pembangunan keusahawanan pelajar dengan cara memperbanyakkan kemudahan pembiayaan awal kepada perniagaan baru yang ditubuhkan pelajar, menambah baik infrastruktur dan sistem sokongan dalam bentuk ruang dan peluang pekerjaan, khidmat nasihat dan bimbingan daripada usahawan sebenar serta kehadiran dalam kalangan usahawan muda yang berjaya. Hal ini bersangkut-paut dengan pernyataan

Ferreira, Fayolle, si. Ratten dan Raposo (2018) berkenaan peranan universiti keusahawanan adalah untuk menerapkan keusahawanan dalam budaya akademik melalui pengetahuan yang dihasilkan daripada projek-projek penyelidikan, kompetensi pendidik, pelajar dan ahli perniagaan yang diperkasakan melalui hubungan bersemuka atau elektronik. Menurut Nguyen, Maritz dan Millemann (2021), matlamat universiti keusahawanan adalah untuk menyediakan persekitaran yang menggalakkan pengambilan risiko dan aktiviti inovatif dengan cara meneroka idea baharu dengan menggunakan rasa ingin tahu tentang peluang perniagaan yang berpotensi yang mampu membantu pelajar dalam menerapkan budaya keusahawanan dalam diri mereka. Ini adalah bertujuan memberi kemudahan untuk pelajar dalam menjalankan aktiviti keusahawanan bermula dari peringkat universiti lagi sekaligus mampu meningkatkan kecenderungan terhadap keusahawanan mereka apabila tamat universiti kelak (Lee, Kreiser, Wrede dan Kogelen, 2018).





Keupayaan keusahawanan yang ada dalam diri seseorang pelajar mampu mempengaruhi hasrat keusahawanan mereka (Noorizda, et al, 2019). Menurut Rohayu et al (2021), individu yang mempunyai kemahiran, kebolehan dan mempunyai keinginan terhadap keusahawanan akan berinteraksi atau bertindak untuk mengenal pasti peluang dan seterusnya akan melibatkan diri dengan aktiviti keusahawanan. Nur Afifah dan Nurhawani (2021) menjelaskan bahawa kebolehan melalui aktiviti pengurusan adalah salah satu faktor yang penting dalam menentukan kejayaan seseorang usahawan dalam perniagaan. Menurut Rebecca, Changqin dan Jin (2015), peranan pendidikan keusahawanan terbukti mempunyai pengaruh positif antara keupayaan keusahawanan dan prestasi dalam keusahawanan terutamanya terhadap keupayaan dalam pengurusan perniagaan.



Seperti yang kita lihat, terdapat pelbagai dasar telah dirancang dalam membudayakan keusahawanan terutamanya pada peringkat pendidikan tinggi yang mana ianya adalah bertujuan meningkatkan kecenderungan pelajar terhadap keusahawanan. Kecenderungan terhadap keusahawanan boleh diukur melalui sejauh mana hasrat dan niat pelajar untuk menjadikan usahawan sebagai kerjaya. Menurut Noorizda, Wan, Zurairah, Maryam dan Zamry (2019), niat adalah asas utama aktiviti kehidupan yang dilakukan oleh seseorang untuk mencapai apa yang diinginkan. Niat atau hasrat keusahawanan digunakan dalam menentukan arah tuju bagi sesebuah perniagaan kerana ia menjadi salah satu kekuatan utama usahawan dalam membangunkan perniagaannya. Oleh yang demikian, dasar-dasar yang telah dirancang telah mendorong penyelidikan ini dijalankan bagi mengkaji sejauh mana





pendidikan keusahawanan dan keupayaan keusahawanan mempengaruhi hasrat keusahawanan pelajar.

1.3 Penyataan Masalah

Penyelidikan ini mengkaji pengaruh di antara pendidikan keusahawanan dan keupayaan keusahawanan terhadap hasrat keusahawanan pelajar. Kepentingan pendidikan keusahawanan dalam memartabatkan dan membudayakan bidang keusahawanan adalah masih kurang menjadi perhatian di dalam peringkat negara. Ini kerana walaupun berbagai rancangan telah dibentang dan dilaksanakan oleh pelbagai pihak ia masih tidak menjadi mampu mengubah persepsi dan tanggapan masyarakat terhadap kepentingan pendidikan keusahawanan ini. Natijahnya, peningkatan jumlah

usahawan dan perniagaan dari tahun ke tahun mula meningkat akan tetapi ia tidak bertahan dalam dalam industri. Ia dapat dibuktikan melalui Laporan PKS 2014-2015, kadar permulaan perniagaan telah menunjukkan trend peningkatan semenjak krisis kewangan pada tahun 2008 dan 2009 di kebanyakan negara; terutamanya di Australia, United Kingdom, Denmark, Portugal dan Sweden. Walau bagaimanapun, lebih daripada separuh daripada perniagaan yang baru gagal dalam lima tahun yang pertama, dengan perbezaan jumlah syarikat yang bertahan kurang satu daripada lima syarikat di Lithuania dan lebih daripada dua per tiga di Sweden (Laporan PKS 2014-2015).





Menurut Laporan PKS 2018-2019, keusahawanan tidak dilihat sebagai kerjaya pilihan di negara seperti Malaysia (38.9% pada tahun 2019) dan Singapura (44% pada tahun 2019), berbanding negara ASEAN yang lain kerana masih terdapat peluang pekerjaan yang menawarkan skim gaji yang menarik. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia 2020, pertumbuhan prestasi perniagaan perlahan pada suku keempat 2019 dengan kemerosotan daripada 3.1% (2018) kepada 0.5 % (2019). Di samping itu, Suruhanjaya Syarikat Malaysia menunjukkan bilangan pembubaran syarikat dan penamatan perniagaan tempatan adalah sebanyak hampir 4,465 buah syarikat sepanjang tahun 2019 (SSM, 2019).



Menurut Ummi et al (2017), pihak terlibat tidak sepatutnya hanya menumpukan kepada langkah melahirkan usahawan semata-mata tetapi harus berusaha membentuk usahawan-usahawan yang memiliki daya saing dan daya tahan yang tinggi dalam perniagaan. Menurut Buerah, Hussin dan Baharin (2011), hasil daripada kajian mereka mendapati beberapa sebab kegagalan usahawan Bumiputera adalah kerana kurangnya persediaan dalam menceburi bidang perniagaan seperti kurang pendedahan ilmu perniagaan, kurang minat dalam menghadirkan diri dalam kursus-kursus dan latihan keusahawanan dan akhir sekali kurang berpengalaman dalam bidang perniagaan. Ini adalah disebabkan masih lagi ramai masyarakat yang kurang berminat atau takut untuk memulakan perniagaan dalam mendapatkan sumber pendapatan (Cacciotti, Hayton, Mitchell dan Allen, 2020).





tinggi merupakan satu cabaran memandangkan kepelbagai program, kekurangan struktur ilmiah, dan ketiadaan penilaian objektif yang diterapkan secara konsisten mungkin menimbulkan masalah atau berkemungkinan menjadi lebih buruk apabila program pendidikan keusahawanan diteruskan untuk mengembangkan. Dalam pada itu, Hagg dan Gabrielsson (2020) menekankan bahawa kaedah pengajaran dalam pendidikan keusahawanan hanya memberikan pengetahuan teori dan bukannya pengetahuan praktikal yang mana hanya memberikan konsep asas pengetahuan tentang keusahawanan yang tidak lagi bersesuaian berdasarkan peredaran zaman dan pendidik hanya menggunakan kaedah tradisional dalam memastikan objektif kursus dicapai.



Selain itu, menurut Rashid (2019), pihak institusi pendidikan tidak menyediakan peralatan bahan pengajaran dan kemudahan infrastruktur yang tidak mencukupi dalam menempuh cabaran globalisasi, teknologi maklumat yang akan mempengaruhi kurikulum, kaedah pengajaran, kemudahan, kakitangan dan peralatan dalam membudayakan keusahawanan di institusi. Seterusnya, menurut Elnadi dan Gheith (2021), keupayaan keusahawanan pelajar hanya akan terbentuk sekiranya pendidik menyediakan pelbagai peluang kepada mereka seperti menulis rancangan perniagaan, menjalankan perniagaan kecil dan bekerja dengan seorang usahawan untuk meningkatkan kemahiran dan keyakinan mereka dalam pelbagai bidang, tugas dan peranan sebagai seorang usahawan di dalam kelas. Ia berkait rapat dengan penyelidikan Aladejebi (2018) yang menyatakan bahawa hasrat keusahawanan bukan diwarisi, tetapi ia boleh diperolehi melalui latihan dan pendidikan.





Oleh itu, penyelidik berpendapat langkah yang terbaik adalah dengan cara membentuk pelajar menjadi usahawan sejak dari peringkat universiti lagi supaya mereka lebih mudah berjaya dan kadar kegagalan usahawan bumiputera itu dapat diubah terutamanya melalui pendidikan keusahawanan. Tambahan lagi, di universiti ada pelbagai bidang seperti teknikal, teknologi, inovasi dan kreativiti yang boleh dijadikan perniagaan dalam pilihan kerjaya melalui kemahiran dan pengetahuan yang dimiliki pelajar apabila bergelar graduan kelak. Justeru itu, kajian ini adalah bertujuan untuk melihat dan mengkaji pengaruh di antara pendidikan keusahawanan dan keupayaan keusahawanan terhadap hasrat keusahawanan pelajar Bumiputera. Kaedah kajian yang digunakan adalah kuantitatif dengan pendekatan melalui soal selidik. Dalam kajian ini, sampel adalah terdiri daripada pelajar pelbagai jurusan dalam latar belakang pengurusan dan perniagaan dari Kolej Poly Tech MARA Bangi.



1.4 Tujuan Kajian dan Objektif Kajian

Secara am, kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti pengaruh di antara pendidikan keusahawanan dan keupayaan keusahawanan terhadap hasrat keusahawanan pelajar Kolej Poly Tech Mara Bangi. Kajian ini menggunakan dua objektif yang terdiri daripada:

1. Menentukan pengaruh antara pendidikan keusahawanan dan hasrat keusahawanan pelajar.
2. Menentukan pengaruh antara keupayaan keusahawanan dalam diri pelajar yang mempengaruhi hasrat keusahawanan pelajar.





1.5 Persoalan Kajian

Bagi mencapai objektif penyelidikan ini, persoalan kajian dibawah akan diselesaikan:

1. Apakah terdapat pengaruh antara pendidikan keusahawanan ke atas hasrat keusahawanan pelajar Kolej Poly-Tech MARA Bangi?
2. Apakah terdapat pengaruh antara keupayaan keusahawanan ke atas hasrat keusahawanan pelajar Kolej Poly-Tech MARA Bangi?

1.6 Hipotesis Kajian

Berdasarkan persoalan kajian yang dibina, hipotesis yang akan dikaji adalah seperti berikut:

H_01 : Tidak terdapat pengaruh antara kurikulum dalam pendidikan keusahawanan dan hasrat keusahawanan pelajar.

H_02 : Tidak terdapat pengaruh antara kaedah pengajaran dalam pendidikan keusahawanan dan hasrat keusahawanan pelajar.


H_03 : Tidak terdapat pengaruh antara peranan institusi pendidikan dalam mempromosikan pendidikan keusahawanan dan hasrat keusahawanan pelajar.

H_04 : Tidak terdapat pengaruh antara keupayaan keusahawanan dalam diri pelajar yang mempengaruhi hasrat keusahawanan pelajar.



1.7 Kerangka Teori dan Kerangka Konsep Kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat pengaruh di antara dua pembolehubah utama iaitu pendidikan keusahawanan dan hasrat keusahawanan. Dalam konteks kajian ini, pengkaji akan menggunakan gabungan Model Pengajaran Pendidikan Keusahawanan (Fayolle dan Gailly, 2008) dan Teori Perlakuan Terancang (Ajzen, 1991).




Rajah 1.1. Gambar rajah Model Pengajaran Pendidikan Keusahawanan. (Fayolle & Gailly, 2008)



Model Pengajaran Pendidikan Keusahawanan dibangunkan oleh Fayolle dan Gailly pada 2008 yang berpendapat bahawa proses pembelajaran ini bertujuan untuk membantu individu meletakkan kedudukan yang lebih baik dalam bidang keusahawanan dan menjadi lebih berdaya usaha. Fayolle dan Gailly membina model dengan tujuan untuk membangunkan semangat keusahawanan individu, menjadikan mereka lebih keusahawanan segi pemikiran dan kemudian melalui tindakan mereka.

Menurut Fayolle dan Gailly (2015), pendidikan dan latihan boleh mempengaruhi persepsi pelajar terhadap keusahawanan kerana ia membolehkan mereka lebih memahami peranan dan tindakan usahawan, nilai, sikap dan motivasi mereka. Penyelidikan oleh Neergaard, Robinson dan Jones (2021) juga menyatakan pendidikan keusahawanan telah diiktiraf sebagai salah satu faktor yang paling penting dalam memupuk tingkah laku keusahawanan. Dapat dilihat melalui kajian terdahulu Biggs (1991), menyatakan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan keusahawanan merupakan satu sistem keusahawanan yang kompleks yang terdiri daripada guru, pelajar, kandungan kursus, aktiviti pengajaran, kaedah pengajaran, persekitaran institusi dan hasil yang diperolehi.





Rajah 1.2. Gambar rajah Teori Perlakuan Terancang (Ajzen, 1991)

Teori Perlakuan Terancang dibangunkan oleh Icek Ajzen pada 1991 yang berpendapat bahawa sikap ditentukan oleh satu set kepercayaan tingkah laku yang mengaitkan tingkah laku kepada pelbagai hasil dan sifat-sifat lain. Berdasarkan penilaian kepercayaan, orang memperoleh sikap baik secara positif atau negatif. Dengan cara ini, sikap yang menggalakkan terhadap tingkah laku seperti memulakan perniagaan adalah terbentuk apabila dilihat bahawa ia mempunyai kelebihan dan akibat yang diingini bagi seseorang.


Tingkah laku yang dirancangkan seperti memulakan sebuah perniagaan adalah perkara yang disengajakan. Menurut Krueger dan Carsrud (1993), kegiatan keusahawanan sangat berkait rapat dengan tingkah laku yang dirancang atau dengan sengaja. Oleh kerana itu, adalah yang terbaik ia diramalkan dengan niat terhadap tingkah laku, bukan melalui sikap, kepercayaan, keperibadian atau demografi. Menurut Ajzen (1991), niat yang melibatkan proses kognitif yang aktif adalah berfungsi untuk menyalurkan kepercayaan, persepsi dan faktor-faktor lain yang



berkaitan ke dalam niat seseorang, kemudian bertindak untuk melakukannya (Krueger dan Carsrud, 1993). Menurut Baharu, Mohammed, dan Nita (2011), adalah sangat penting untuk mengenalpasti niat keusahawanan individu kerana niat selari dengan kognitif yang boleh mendorong perhatian individu, pengalaman, dan tindakan ke arah objektif untuk menjalankan perniagaan.

Dalam konteks kajian ini, penyelidik telah menggunakan Model Pengajaran Pendidikan Keusahawanan dan Teori Perlakuan Terancang bagi membentuk satu kerangka konseptual. Pembolehubah bebas dalam kajian ini ialah dimensi pendidikan keusahawanan iaitu kurikulum pendidikan keusahawanan, kaedah pengajaran dalam pendidikan keusahawanan, peranan institusi dalam mempromosikan pendidikan keusahawanan dan keupayaan keusahawanan dalam diri pelajar adalah dimensi kawalan tingkah laku yang dirasakan. Manakala pembolehubah bersandar ialah hasrat keusahawanan.





Rajah 1.3. Gambar rajah pembolehubah yang digunakan dalam kajian (dibangunkan oleh penyelidik)

1.8 Definisi Operational

1.8.1 Pendidikan keusahawanan

Menurut Quality Assurance Agency (QAA) (2018), istilah pendidikan keusahawanan memfokuskan berkenaan pendekatan, pengajaran dan kemudahan yang memberi tumpuan lebih luas dan fokus kepada pembangunan, pemikiran, kemahiran dan kebolehan peribadi seseorang individu dalam meningkatkan kebolehan menjadi seorang peniaga atau seorang pengurus syarikat sendiri.



Justeru dalam kajian ini, pendidikan keusahawanan merujuk kepada pengajian perniagaan yang mengandungi pelbagai elemen berkaitan perniagaan yang dibahagikan kepada tiga pembolehubah iaitu kurikulum pendidikan keusahawanan, kaedah pengajaran dalam pendidikan keusahawanan dan peranan universiti dalam mempromosikan pendidikan keusahawanan yang mempengaruhi hasrat keusahawanan pelajar.

1.8.2 Kurikulum Pendidikan

Suatu rancangan yang meliputi segala ilmu pengetahuan, kemahiran, nilai- nilai dan norma, unsur- unsur kebudayaan dan kepercayaan masyarakat untuk diperturunkan kepada pelajar sebagai salah satu panduan di masa akan datang (Dasar Pendidikan Kebangsaan, 2012).

Kurikulum pendidikan yang digunakan dalam kajian ini adalah kurikulum yang berkaitan dengan pendidikan keusahawanan atau pengajian perniagaan yang digunakan dalam peringkat pengajaran tinggi yang mempengaruhi hasrat keusahawanan pelajar.

1.8.3 Kaedah Pengajaran

Menurut Jasmi, Talip, dan Ilias (2012), kaedah pengajaran didefinisikan melalui tindakan-tindakan yang dilakukan oleh pendidik dalam mengendalikan proses





pengajaran dan pembelajaran yang mana ia melibatkan tindak balas dan hubungan di antara pendidik dan pelajar.

Justeru itu, kaedah pengajaran dalam kajian ini memfokuskan terhadap keupayaan tenaga pengajar dan kaedah yang digunakan oleh tenaga pengajar dalam kurikulum pendidikan keusahawanan atau pengajian perniagaan yang mempengaruhi hasrat keusahawanan pelajar.

1.8.4 Peranan Institusi



Menurut Powers & McDougall (2005), peranan institusi boleh didefinisikan melalui persekitaran institusi pendidikan dalam menganjurkan dan membangunkan aktiviti keusahawanan untuk pelajar termasuklah dalam menyediakan polisi perniagaan dalam institusi, infrastruktur, kemudahan dan sistem yang berkaitan dengan program keusahawanan.

Oleh itu, peranan institusi yang digunakan dalam kajian ini adalah yang memfokuskan terhadap cara bagaimana institusi pendidikan yang terlibat mempromosikan atau membudayakan keusahawanan bagi mempengaruhi hasrat keusahawanan pelajar.





1.8.5 Keupayaan Keusahawanan

Menurut Ma'rof, Abd Razak, Nurfazreen (2012), pembentukan keupayaan individu dan konsep keusahawanan adalah merupakan satu proses dalam mencapai matlamat dalam perniagaan untuk menentukan kejayaan sesebuah perniagaan melalui kemampuan dan kredibiliti seseorang usahawan atau individu dalam menyelesaikan masalah yang wujud.

Dalam kajian ini, keupayaan keusahawanan akan dilihat melalui sejauh mana tahap pelajar merasakan mereka akan melakukan sesuatu perkara berkaitan keusahawanan yang mempengaruhi hasrat keusahawanan mereka.



1.8.6 Hasrat Keusahawanan

Menurut Sadeghi, Mahommadi, Nosrati dan Malekian (2013), hasrat keusahawanan boleh didefinisikan sebagai niat atau keinginan dalam diri pelajar yang boleh diramal melalui tingkah laku keusahawanan sebagai titik permulaan untuk melibatkan diri dalam keusahawanan atau memulakan perniagaan baru.

Justeru itu dalam kajian ini, hasrat keusahawanan akan ditentukan dengan cara melihat sama ada terdapat pengaruh atau tidak dapat pengaruh di antara pendidikan





keusahawanan dan keupayaan keusahawanan terhadap hasrat pelajar terhadap kerjaya keusahawanan.

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini amat penting kerana dapat mengenal pasti pengaruh Pendidikan Keusahawanan terhadap hasrat keusahawanan pelajar. Selain daripada itu, ia juga dapat mengenalpasti masalah atau isu yang dihadapi oleh pelajar terhadap perkara berkaitan pendidikan keusahawanan dalam mengenalpasti adakah ia mempengaruhi hasrat mereka dalam aktiviti keusahawanan di masa hadapan kelak. Tambahan lagi,

kajian ini juga dapat mengenalpasti sama ada keperluan dalam melakukan penambahan baik perkara-perkara dalam Pendidikan Keusahawanan yang telah lama diwujudkan oleh kementerian. Ini kerana Pendidikan Keusahawanan mampu membantu pelajar dalam mendalami, memahami dan lebih bersedia untuk menjadi seorang usahawan kelak.

Penyelidikan ini bertujuan melihat sejauh mana Pendidikan Keusahawanan yang merangkumi tiga aspek penting yang mampu mempengaruhi hasrat keusahawanan pelajar dalam menjadi usahawan kelak. Antaranya kepentingan memahami elemen dalam kurikulum Pendidikan Keusahawanan mampu mempengaruhi pelajar dalam menceburi bidang keusahawanan. Selain itu, penyelidikan ini bertujuan melihat sejauh mana keberkesanan kaedah pengajaran





dalam Pendidikan Keusahawanan mempengaruhi pelajar yang mana boleh dilihat melalui kaedah pengajaran, pengalaman pendidik dan material yang digunakan sebagai rujukan. Peranan institusi juga perlu diberi perhatian dalam mempromosikan Pendidikan Keusahawanan kerana ia mampu meningkatkan hasrat pelajar dalam menceburi bidang perniagaan dan ia juga perlu diselaraskan dengan keupayaan keusahawanan yang ada dalam diri pelajar.

Penyelidikan ini juga diharapkan dapat menjadi aras pembangunan dalam bidang perniagaan di Malaysia. Ini kerana perniagaan adalah salah satu faktor utama dalam peningkatan ekonomi negara. Oleh itu daripada pendidikan harusnya diterapkan segala elemen-elemen yang berkait rapat dengan pengurusan perniagaan supaya ia menjadi satu langkah dan persediaan yang mampu menjadikan pelajar dalam jurusan perniagaan seorang usahawan yang berjaya kepada agama dan negara.



1.10 Batasan Kajian

Kajian ini amat penting kerana dapat mengenal pasti pengaruh Pendidikan Keusahawanan dan keupayaan keusahawanan pelajar terhadap hasrat keusahawanan. Bagi tujuan ini, fokus kajian hanya tertumpu kepada pelajar kolej yang terlibat dalam jurusan perniagaan dan pengurusan. Populasi bagi kajian ini adalah pelajar pelbagai semester dari Kolej Poly Tech MARA Bangi. Sampel bagi kajian ini melibatkan semua pelajar yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan Pendidikan Keusahawanan. Segala analisis data yang dibuat adalah tulen 100% daripada jawapan





responden melalui borang soal selidik yang diedarkan. Hasil daripada kajian ini tidak menggambarkan keseluruhan pelajar jurusan perniagaan dan pengurusan, tetapi ia boleh dijadikan panduan atau tunjuk arah kepada pengkaji-pengkaji lain yang berkenaan dengan keusahawanan.

1.11 Rumusan

Bab ini memberi gambaran secara keseluruhan dan jelas terhadap kajian yang melibatkan Pendidikan Keusahawanan yang menggunakan tiga aspek utama yang menjadi teras iaitu Kurikulum dalam Pendidikan Keusahawanan, Kaedah pengajaran dalam Pendidikan Keusahawanan, Peranan dan Institusi dalam mempromosikan Pendidikan keusahawanan dan Keupayaan Keusahawanan dalam diri pelajar dalam mempengaruhi hasrat keusahawanan pelajar. Seperti yang sedia maklum, bidang keusahawanan ini adalah bidang yang membantu dalam mengurangkan masalah pengangguran yang dihadapi di negara ini.

Di dalam penyataan masalah, dapat dirumuskan bahawa walaupun kehadiran usahawan setiap tahun meningkat akan tetapi masih banyak lagi usahawan yang akhirnya kecundang atau tidak mampu bertahan dalam tempoh lima tahun awal perniagaan mereka. Ini kerana kurangnya ilmu pengetahuan dan kesediaan dalam menguruskan dan menjalankan perniagaan. Oleh itu, pendidikan keusahawanan yang





telah lama diwujudkan perlu diberi perhatian oleh bakal-bakal usahawan bagi memastikan kesediaan mereka cukup untuk menguruskan perniagaan kelak.

Bab seterusnya iaitu dalam kajian literatur pengkaji akan cuba membincangkan mengenai kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan setiap pembolehubah yang terlibat dalam penyelidikan ini iaitu kurikulum pendidikan keusahawanan, kaedah pengajaran dalam pendidikan keusahawanan, peranan institusi pendidikan dalam mempromosikan pendidikan keusahawanan dan akhir sekali keupayaan keusahawanan yang diperlukan dalam memastikan kesediaan menjadi usahawan. Di dalam bab dua juga, perbincangan mengenai pendidikan keusahawanan di Malaysia dan negara-negara serantau yang telah lama diwujudkan bagi membantu melahirkan lebih ramai usahawan yang berjaya. Bab dua ini adalah satu panduan utama yang digunakan dalam menghasilkan kajian ini.

